



**UNIVERSITY
OF MALAYA**



Buletin UMCares

Edisi 1.0



KANDUNGAN

Perutusan Pengarah

1-2

Pertandingan UMCares Sesi 2017/2018

3-4

Anugerah Jalinan Masyarakat

5-8

Bengkel Penulisan Media

9-10

Program *Edu-tourism*

11-12

Projek Pilihan

13-14

Inspirasi

15

Publisiti - Liputan Media

16

Lawatan

17-18

Tips: Komunikasi

19-20

Lensa

21-24

SIDANG PENGARANG



Penasihat
Prof. Dr. Norzulaani Khalid



Editor
Nor Azlin Mat Radi



Penolong Editor 1
Muhammad Asyraf Mansor @ Noordin



Penolong Editor 2
Muhamad Khairul Anuar Senin



Pereka Grafik
Muhammad Asqalani Hamizi



Jurufoto
Siti Khatijah Hamat



Pengumpul Data
Nor Izuana Alias

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum & Salam sejahtera,

Buletin UMCares Edisi Pertama tahun 2018 diterbitkan dengan tujuan untuk melaporkan dan berkongsi maklumat khususnya di kalangan warga UM dan para pembaca amnya. Buletin ini telah dimuatkan dengan pelbagai perkembangan dan program-program yang dijalankan oleh Pusat Komuniti dan Kelestarian UM atau UMCares sepanjang Januari hingga Jun 2018. Saya mengharapkan kandungan buletin ini berjaya memperlihatkan usaha dan komitmen UMCares untuk menerajui libatsama bersama masyarakat yang inklusif.

Tahun 2017 merupakan tahun yang cemerlang bagi UMCares. Pencapaian pada tahun berkenaan dapat dinilai dari segi bilangan projek komuniti yang diuruskan oleh UMCares, kolaborasi bersama pihak luar, serta bantuan dana dan tajaan yang diterima. Sehubungan dengan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada penyelidik UM, rakan kolaborasi serta staf UMCares di atas segala inisiatif dan komitmen yang telah diberikan.

Secara keseluruhannya, pada tahun lalu UMCares telah menerima sejumlah RM1.3 juta berbentuk dana dan tajaan untuk melaksanakan program kemasyarakatan. Dana dan tajaan ini diterima dari Kementerian Pendidikan Tinggi serta pihak industri seperti Mr DIY Sdn. Bhd, Tesco Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Lembaga Zakat Selangor dan AEON Environmental Foundation. Sumbangan dari organisai luar menunjukkan keyakinan pihak luar terhadap kepakaran penyelidik UM bagi membantu dari segi penyelesaian masalah dan penambahbaikan fungsi organisasi terlibat. UMCares juga turut menerima peruntukan dalaman universiti dan ini membuktikan sokongan berterusan UM terhadap pelaksanaan projek komuniti agar hasil penyelidikan dapat disalurkan kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Selain daripada program kemasyarakatan bersama komuniti dan industri, UMCares turut menjalankan program bersama pelajar. Program "UMCares Competition" merupakan program tahunan yang dijalankan di antara Kolej Kediaman UM bagi mempersiapkan jati diri pelajar bagi menjana masa depan yang lebih cemerlang. Sambutan yang diterima saban tahun juga amat memberangsangkan. Selain itu, program "edu-tourism" UM Tropical Camp juga merupakan platform yang disediakan untuk memperkasakan jati diri pelajar UM sebelum melangkah keluar memperkembangkan kerjaya masing-masing.

Kami di UMCares mengharapkan agar warga UM akan terus memberikan sokongan dan kerjasama terhadap aktiviti jaringan masyarakat yang dijalankan oleh unit ini. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua warga UM kerana berjaya menempatkan UM di kedudukan ke-87 universiti terbaik di dunia, mengikut Quacquarelli Symonds (QS) World Universiti Ranking 2018. Semoga UM terus kekal unggul bukan sahaja dalam melahirkan mahasiswa yang berkualiti, malahan menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan sosial menerusi hasil dapatan penyelidikan oleh penyelidik UM.

Sekian, terima kasih.



Pertandingan UMCares Sesi 2017/2018

1

Pertandingan UMCares adalah pertandingan tahunan yang dianjurkan oleh UMCares sejak dari tahun 2009 yang dahulunya dikenali sebagai Pertandingan Alam Sekitar. Pada tahun 2014, elemen pertandingan ini diubah dengan tidak hanya menumpukan elemen alam sekitar sahaja, tetapi juga menitikberatkan elemen kemasyarakatan. Antara objektif pertandingan ini adalah untuk menerapkan budaya kemasyarakatan di kalangan pelajar Universiti Malaya di samping mempersiapkan jati diri pelajar bagi menjana masa depan yang lebih cemerlang.

Pada sesi ini, peserta perlu mencadangkan 2 projek, di mana satu projek mempunyai elemen alam sekitar dan satu lagi projek dengan elemen kemasyarakatan. Peserta diberi masa 2 bulan untuk menyiapkan projek dan setelah tamat tempoh, mereka dikehendaki untuk membentangkan hasil projek masing-masing. Pertandingan ini dinilai oleh juri khas di mana, penilaian akan dibuat pada 2 peringkat iaitu (i) sesi cadangan projek dan (ii) sesi pembentangan hasil projek. Ini bagi membolehkan para juri untuk menilai peserta dari segi perancangan dan implementasi projek.

Sebanyak 9 buah kolej kediaman daripada keseluruhan 12 buah kolej kediaman UM telah menyertai pertandingan ini. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 3 Mei 2018 di Bilik Wau, Rumah Universiti. Berikut adalah senarai pemenang bagi pertandingan ini;

- **Tempat Pertama (menerima wang tunai sebanyak RM 2,000, trofi, beserta sijil):**
- Kolej Kediaman Pertama
- **Tempat Kedua (menerima wang tunai sebanyak RM 1,000, trofi beserta sijil):**
- Kolej Kediaman Kelima
- **Tempat Ketiga (menerima wang tunai sebanyak RM 700, trofi beserta sijil):**
- Kolej Kediaman Kedua

UMCares mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan sekalung penghargaan kepada semua Kolej Kediaman yang menyertai pertandingan ini.

Pembentangan awal projek



Majlis Penyampaian hadiah pertandingan UMCares Sesi 2017/2018

Majlis Anugerah Jalinan Masyarakat Universiti Malaya 2017 yang diadakan pada 26 April 2018 di Rumah Kelab, Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) merupakan majlis yang dilaksanakan oleh UMCares bagi meraikan penyelidik dan organisasi yang terlibat dalam aktiviti jalinan masyarakat. Majlis ini merupakan kali ketiga diadakan sejak 2016 dan berfungsi sebagai platform untuk menemukan semua pihak yang terlibat dalam projek jalinan masyarakat yang dijalankan di bawah UMCares. Terdapat lima kategori anugerah yang diberikan iaitu Anugerah Jalinan Masyarakat, Anugerah UCTC, Anugerah Kelab Sahabat, Anugerah Komuniti dan Anugerah Khas UMCares. Pengiktirafan terhadap projek dinilai berdasarkan perubahan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi kepada komuniti dan organisasi untuk meneruskan amalan tanpa penglibatan penyelidik Universiti Malaya (UM). Program ini juga bertujuan untuk membantu keterlihatan UM dalam program bersama komuniti.

Pemindahan ilmu dan kemahiran di antara universiti dan komuniti serta organisasi merupakan kerjasama yang saling menguntungkan di antara semua pihak yang terlibat. Sehubungan dengan itu, UM melalui UMCares telah menyediakan platform khusus bagi menggalakkan kerjasama strategik ini. Ia dilakukan melalui pembukaan geran dalaman kepada penyelidik UM yang dikenali sebagai geran Jalinan Masyarakat dan Kelab Sahabat. Usaha ini dilaksanakan bermula tahun 2015 dengan agihan peruntukan sebanyak RM 1 juta ringgit (setiap tahun) dan masih diteruskan lagi hingga kini. Sehingga kini, seramai 137 penyelidik UM telah ditawarkan geran berkenaan dan melibatkan kira-kira 275 organisasi luar yang terdiri dari sekolah, industri dan komuniti. Selain itu, UMCares turut menerima dana dari pihak industri seperti Mr DIY Sdn. Bhd, Tesco Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Lembaga Zakat Selangor dan AEON Environmental Foundation.

Kami warga UMCares mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan berharap dapat menjadi inspirasi kepada penyelidik UM yang lain.



Majlis diserikan dengan persembahan pentomen oleh Kanak-kanak Khas dari Sekolah Kebangsaan Sultan Alam Shah bertajuk “Tidak Kupinta Lahir ke Dunia”

Pemenang Kluster



A Pemenang Kluster Keusahawanan:
Dr. Zuraidah Abdullah
Fakulti Pendidikan

B Pemenang Kluster Pendidikan:
Dr. Mohd Nazri Abdol Rahman
Fakulti Pendidikan

C Pemenang Kluster ICT & Teknologi:
Dr. Unaizah Hanum Obaidellah
Fakulti Sains Komputet & Teknologi Maklumat

D Pemenang Kluster Kesihatan:
Dr. Phan Chia Wei
Fakulti Perubatan

E Pemenang Kluster Warisan & Budaya:
Prof. Madya Dr. Faridah Noor Mohd Noor (Wakil)
Fakulti Bahasa & Linguistik

Anugerah Khas Komuniti



Anugerah UCTC



Anugerah Kelab Sahabat



Anugerah Jalinan Masyarakat (CE)



Anugerah Khas UMCares

Pemenang Anugerah



Sesi Bergambar



A Anugerah Khas Komuniti Persatuan Penduduk PJS 1 South Avenue untuk penglibatan dalam projek Agrobox di bawah seliaan Prof. Datin Seri Dr. Suhaiza Hanim Dato Mohamad Zailani

B Anugerah University Community Transformation Center Dr. Nasrul Anuar Abd Razak Fakulti kejuruteraan

C Anugerah Kelab Sahabat (Tempat Kedua) Dr. Zari Hakim Azizul Hasan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat

D Anugerah Kelab Sahabat (Tempat Pertama) Dr. Donnie Adams Fakulti Pendidikan

E Anugerah Jalinan Masyarakat (Tempat Ketiga) Dr. Thilagavathi Shanmuganathan Fakulti Bahasa & Linguistik

F Anugerah Jalinan Masyarakat (Tempat Kedua) Dr. Rozita Che Omar Fakulti Bahasa & Linguistik

G Anugerah Jalinan Masyarakat (Tempat Pertama) Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman Fakulti Pendidikan

H Anugerah Khas UMCares Prof. Dr. Lydia Abdul Latif Fakulti Perubatan

I Sesi bergambar kesemua pemenang Anugerah Jalinan Masyarakat

J Sesi bergambar bersama seluruh hadirin

Bengkel Penulisan Media

3

Umum mengetahui mengenai kepentingan media cetak dan elektronik untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Bagi penyelidik, medium ini seharusnya digunakan dengan sebaiknya bagi menyalurkan maklumat kepada orang ramai. Menyedari kepentingan ini, Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya atau UMCares telah mengadakan satu bengkel khas yang dinamakan Bengkel Penulisan Media pada 27 Jun 2018 bertempat di Bilik Seminar, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (KPPI), UM. Bengkel ini dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Nahrizul Adib dari Fakulti Kejuruteraan UM. Walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam pengajian media, ia tidak menghalang Profesor Madya Dr. Nahrizul Adib untuk memahirkannya dalam penulisan media. Buktinya, beliau telah menulis sebanyak 594 artikel sejak 2015 dalam beberapa akhbar tempatan.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 30 penyelidik yang merupakan pemegang geran UMCares dan mereka amat berpuas hati dengan bengkel yang diadakan. UMCares selaku penganjur program mengharapkan setiap penyelidik akan menghasilkan sekurang-kurangnya 2 laporan media dari projek masing-masing.





Prof. Dr. Norzulaani Khalid memberikan kata-kata aluan kepada pensyarah yang hadir ke bengkel.

Bengkel Penulisan Media dihadiri oleh penyidik dari pelbagai bidang.



Prof. Madya Nahrizul Adib menyampaikan perkongsian dan pengalaman beliau dalam usaha membantu pensyarah menghasilkan laporan media.

Edu-Tourism

Tahun 2018 langkah kanan bagi UM Tropical Camp

4

Bermulanya tahun 2018 mencatatkan permulaan yang baik bagi program UM Tropical Camp apabila telah menjalankan sebanyak 4 kali program ini sepanjang bulan Januari sehingga Mac yang melibatkan 3 buah sekolah. Sekolah-sekolah yang dimaksudkan ialah Idrissi International School (sekolah rendah & menengah) dan Sekolah Menengah Setia Budi dan melibatkan seramai 539 orang orang murid.

Secara ringkas objektif yang ingin dicapai oleh program UM Tropical Camp adalah seperti berikut:

- Keterlihatan Universiti Malaya sebagai pusat edu-tourism di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.
- Peserta program dapat menikmati keunikan hutan hujan tropika melalui lawatan yang dibuat contohnya di Ulu Gombak, Selangor.
- Peserta program mempunyai kesedaran tentang kepentingan memulihara dan memelihara hutan hujan tropika di samping menghargai alam sekitar.
- Peserta program dapat mempraktikkan aktiviti alam sekitar mereka.
- Penjana pendapatan kepada Universiti Malaya

Bagi memperluaskan promosi program UM Tropical Camp, satu perjanjian persefahaman dengan Syarikat DOE & Konsultansi telah dibuat pada awal tahun 2018. Syarikat DOE & Konsultansi bertanggungjawab untuk mempromosikan program UM Tropical Camp ke sekolah-sekolah di bawah jaringan mereka.



▲
**Program UM Tropical Camp
 "Beach Cleaning"**



▶
**Di antara aktiviti-aktiviti
 UM Tropical Camp**



PROJEK PILIHAN

Modul 3KS Membudayakan Kanak-kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Sabah

Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat (3KS) memberi penekanan kepada tiga komponen utama iaitu kemahiran kraftangan, kemahiran seni tradisi serta kemahiran keusahawanan. Ia diwujudkan ke arah menyuburkan keharmonian “Cintakan Negara Malaysia” dan seterusnya bagi memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri di Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA), Sabah di bawah kelolaan Majlis Keselamatan Negara cawangan Sabah. Modul 3KS ini telah dibangunkan dengan prinsip asas “Cultural and Natural Responsive Approach”. Program ini ditumpukan kepada dua PPA iaitu PPA Kampung Numbak dan PPA Kg Telipok yang bertempat di Kota Kinabalu, di mana ia melibatkan seramai 595 orang kanak-kanak dan 10 orang guru.

Tujuan asal PPA diwujudkan adalah untuk memberi akses pendidikan asas kepada kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri di Sabah. Majoriti kanak-kanak di PPA ini adalah berbangsa Bajau Ubian (55.2%), Suluk (24%), Kagayan (18.4%) dan lain-lain etnik seperti Pelaou (2.4%). Guru-guru di PPA tidak mendapat pendedahan atau latihan perguruan secara formal serta tidak memiliki sijil kelayakan perguruan. Modul ini merupakan pengenalan asas kemahiran komuniti menerusi pendidikan bagi membolehkan kanak-kanak memiliki kemahiran asas kraftangan berdasarkan kebitaraan komuniti (anyaman mengkuang, bakul dan beg) dan seni tarian Igal-Igal yang bertujuan untuk mewujudkan ‘Social Enterprise’ dalam komuniti. Pelaksanaan aktiviti ini dapat mengawal penyuburan sentimen asal pendatang yang menggugat keselamatan negara. Kesan langsung daripada fenomena “crisis post war & crisis migration” adalah seperti masalah identiti, penindasan, propoganda politik dan pemerdagangan kanak-kanak. Ini kerana ‘Sentimen anti Kebangsaan’ dalam kalangan kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri telah mewujudkan impak negatif seperti ancaman keselamatan, ugutan, rompakan, gelandangan dan kegiatan jenayah. Sehubungan dengan itu, pendidikan asas melalui kurikulum komuniti ini dapat mengimbangkan penularan sentimen anti kebangsaan dalam kalangan kanak-kanak dan komuniti setempat. Dengan ini keharmonian dan semangat cintakan negara Malaysia dapat disemai dalam diri kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri terlibat.



Antara aktiviti yang dijalankan oleh Dr. Mohd Nazri Hj. Abdul Rahman di sekitar Kota Kinabalu Sabah.

INSPIRASI

Projek Agrobox

Projek Agrobox yang diketuai oleh Prof. Datin Seri Dr Suhaiza Hanim binti Dato Mohamad Zailani telah memenangi Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM) Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) Honour Award di bawah kategori Green Initiatives Awards. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Penduduk PJS 1 South Avenue dengan bantuan peruntukan dari Kementerian Pendidikan Malaysia melalui program University Community Transformation Centre (UCTC).



◀ Cik Nurhidayah Mukhtar selaku pegawai pelaksana projek menerima anugerah pada 15 Disember 2017.

PUBLISITI

Tarikh: 25 Februari 2018

Tajuk Akhbar: New Sabah Times Bahasa

Tajuk Berita: **Pelaksanaan modul kurikulum berasaskan komuniti setempat usaha mendepani cabaran R14**

Nama Penyelidik: Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman



Tarikh: 5 Mac 2018

Tajuk Akhbar: Utusan Malaysia

Tajuk Berita: **Meningkatkan kemahiran sensori anak istimewa**

Nama Penyelidik: Dr. Donnie Adams



LAWATAN

Lawatan oleh Naib Canselor UM

1

Pada 30 Januari 2018, UMCares telah menerima kunjungan oleh Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim bin Hashim selaku Naib Canselor UM. Ini merupakan lawatan pertama Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim sejak lantikan beliau di UM sebagai Naib Canselor pada 1 November 2017. Dalam sesi lawatan yang diadakan, Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim telah dibentangkan dengan Pelan Perancangan Strategik UMCares bagi tahun 2018 oleh Prof. Dr. Norzulaani Khalid selaku Pengarah UMCares dan juga melawat sekitar pejabat UMCares yang merupakan satu-satunya pejabat yang mengamalkan konsep “pejabat hijau” (Green Office) di UM.

Warga UMCares amat berbesar hati menerima kunjungan Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim dan berterima kasih di atas cadangan penambahbaikan yang diberikan bagi meningkatkan prestasi UMCares di masa akan datang. Diharapkan juga UMCares dan UM secara keseluruhannya akan dapat terus maju jaya di bawah pimpinan Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim.



Lawatan oleh Universitas Negeri Medan

2

UMCares telah menerima kunjungan delegasi dari Universitas Negeri Medan (UNIMED), Indonesia pada 21 Februari 2018. Delegasi diketuai oleh Dr Andri Zainal dan terdiri daripada 9 orang penyelidik dan juga staf dari Lembaga Pengabdian kepada Masyarakat (LPM), UNIMED. Tujuan lawatan ke UMCares adalah untuk berkongsi pengurusan geran komuniti dalam dan luar universiti serta membincangkan projek komuniti yang berpotensi untuk dijalankan bersama. Selain dari sesi perbincangan, delegasi dari UNIMED telah dibawa untuk melawat dua (2) projek komuniti yang dijalankan di dalam UM iaitu UM Zero Waste Centre (UM ZWC) dan UM Community Fair (Pasar UCTC).

Hasil dari lawatan yang diadakan, beberapa projek telah dikenalpasti untuk jalinan kerjasama di antara kedua-dua pihak. Lawatan seperti ini bukan sahaja untuk meluaskan jaringan hubungan antara UMCares dan UM bersama pihak luar, malahan membenarkan perkongsian amalan tadbir urus yang baik oleh pihak luar.



Lawatan oleh Panel Penilai AUN-QA

3

Selaras dengan penilaian institusi oleh pihak AUN-QA, pejabat UMCares telah dikunjungi oleh Panel Penilai AUN-QA pada 7 Mei 2018. Seramai 3 orang Panel Penilai telah hadir diiringi oleh Prof. Dr. Fong Mun Yik selaku Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC). Pengarah UMCares, Prof. Dr. Norzulaani Khalid telah memberi penerangan berkenaan konsep “Green office” yang diterapkan dalam pembinaan pejabat UMCares dan diteruskan dengan sesi soal jawab oleh Panel Penilai. Dalam sesi lawatan ini, Panel Penilai bukan sahaja melakukan audit malahan memberi cadangan positif bagi memperbaiki peranan dan fungsi UMCares.

Prof. Dr. Noorsaadah Abd. Rahman (TNC, Penyelidikan & Inovasi) dan Prof. Dr. Shaliza Ibrahim (PNC, Penyelidikan & Inovasi) turut sama hadir mengalu-alukan kedatangan delegasi Panel Penilai ke Bangunan IPPP.



TIPS: KOMUNIKASI

KOMUNIKASI:

Bagaimana menjalankan hubungan berkesan dengan komuniti?

“Mulanya, kami bercadang nak jalankan program bersama kanak-kanak Orang Asli, tetapi setelah beberapa kali berbincang dengan Tok Batin, kami memutuskan untuk menjalankan program bersama kanak-kanak gelandangan. Ini kerana terdapat beberapa permintaan daripada pihak komuniti yang tak dapat kami penuhi. Setelah dua bulan berbincang, merancang dan mengatur beberapa perjumpaan bersama NGO kanak-kanak gelandangan, kami dimaklumkan bahawa program ini terpaksa dibatalkan atas sebab-sebab yang tak dapat dielakkan” (Eiyman Asyraf, Temubual Program GIG1005 Jalinan Masyarakat)

“Alhamdulillah, hanya dengan sekali perbincangan, pihak komuniti bersetuju untuk menerima program kami sepenuhnya. Malahan, ketua blok turut melibatkan diri secara aktif membantu kami untuk mempromosi dan menggalakkan ibu-ibu tunggal untuk menyertai program keusahawanan ini.” (Zaraa Amnani, Temubual Program GIG1005 Jalinan Masyarakat)

Cerita di atas adalah rempah ratus yang pastinya dialami oleh mereka yang melaksanakan aktiviti bersama komuniti. Setiap individu mahupun kumpulan mempunyai cerita tersendiri semasa berkomunikasi dengan komuniti. Pastinya, ada yang menarik untuk dikongsikan sebagai satu bentuk pengalaman dan pembelajaran dalam usaha menjalankan hubungan universiti dengan komuniti. ‘Apa yang perlu kita tahu tentang komunikasi dan komuniti?’ ‘Bagaimana berkomunikasi dengan komuniti? Kadangkala, komunikasi dengan komuniti boleh menimbulkan perselisihan faham sehingga menyebabkan masalah terhadap projek atau program yang dijalankan. Komunikasi sangat penting dalam perhubungan dengan komuniti kerana ia adalah sebahagian daripada proses penyampaian atau pemindahan mesej dari seseorang kepada komuniti. Komunikasi boleh terdiri daripada pelbagai bentuk sama ada secara lisan atau sebaliknya. Contohnya komunikasi non-verbal adalah bahasa badan, bahasa isyarat, sentuhan, hubungan mata dan sebagainya.

Berikut beberapa aspek yang perlu diberi perhatian semasa berkomunikasi dengan komuniti bagi memastikan sesuatu program dilaksanakan dengan jayanya:

i. Mengenalpasti keperluan dan kehendak komuniti. Kita perlu sedar bahawa setiap komuniti mempunyai keperluan dan kehendak yang berbeza. Dengan mengenalpasti setiap perbezaan dan persamaan yang ada dalam komuniti, secara tidak langsung akan memudahkan kita berkomunikasi dengan komuniti. Keperluan setiap kumpulan komuniti amat berbeza, ada yang memerlukan sokongan moral, kasih sayang dan perhatian tetapi tidak memerlukan bantuan material dan kewangan; ada komuniti yang amat memerlukan bantuan kewangan dan barangan; ada juga komuniti yang memerlukan perlindungan, motivasi dan semangat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Jadi, berkomunikasi dengan berkesan untuk mendapatkan maklumat umum, latar belakang, keperluan, kehendak dan aspirasi komuniti dengan lengkap dan seterusnya fahami isu dan permasalahan yang wujud dalam komuniti sebelum memulakan sesuatu projek atau program.

ii. Wujudkan persefahaman. Dalam proses komunikasi, persefahaman antara kedua-dua pihak amat penting. Kita perlu mewujudkan persefahaman dan memberikan yang tinggi serta bersungguh-sungguh untuk merealisasikan matlamat serta objektif ke arah memajukan komuniti setempat. Atas komitmen dan semangat yang ditunjukkan ini akan memberi keyakinan kepada pihak komuniti untuk terus memberi sokongan kepada setiap program yang kita jalankan. Secara tidak langsung, komunikasi bersama komuniti akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

iii. Wujudkan nilai dan kepercayaan. Sifat saling percaya-mempercayai antara kita dengan komuniti adalah resepi utama kejayaan sesuatu program atau projek bersama komuniti. Proses komunikasi bermula dengan membina kepercayaan pihak komuniti setempat. Kita perlu mendapatkan kepercayaan sepenuhnya pihak komuniti terhadap program yang akan dilaksanakan. Wujudkan kepercayaan bahawa program yang dijalankan adalah untuk kepentingan komuniti ke arah membangunkan komuniti setempat. Projek atau program yang dijalankan bukannya atas sebab kepentingan peribadi, berunsur politik atau sekadar memenuhi aspirasi individu tertentu dengan membelakangkan matlamat pembangunan komuniti.

iv. Pengupayaan peluang dan penglibatan aktif komuniti. Komunikasi berkesan wujud sekiranya setiap individu dalam komuniti diberi peluang serta ruang untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang dirancang. Arah tuju dan matlamat digariskan dengan tepat dan jelas antara kedua-dua pihak. Contohnya, membangunkan komuniti untuk melestarikan kesejahteraan kualiti hidup komuniti. Adalah penting untuk memastikan bahawa semua komuniti berpeluang menyertainya dan tidak ada yang dikecualikan kecuali atas kehendak dan kemahuannya sendiri. Menerusi komunikasi ini, sesuatu program itu dirasakan sebagai sebahagian daripada program komuniti itu sendiri dan bukannya daripada orang luar.

v. Menyemai rasa kekitaan dalam komuniti. Usaha menyemai rasa kekitaan adalah salah satu elemen yang perlu ditekankan semasa proses komunikasi. Adalah penting untuk memastikan bahawa dalam proses komunikasi penekanan seharusnya diberikan kepada penerangan dan promosi tentang sesuatu program sehingga wujud rasa kekitaan dan diyakini bahawa 'matlamat dikongsi bersama'. Ini bermakna bahawa kejayaan dan kegagalan sesuatu program itu adalah tanggungjawab bersama. Maka, tidak timbul isu menunding jari dan menyalahkan sesuatu pihak apabila sesuatu program itu gagal mencapai matlamat seperti yang digariskan.

Ringkasnya, proses komunikasi yang berkesan membolehkan sesuatu kata putus dapat dibuat dengan mudah dan mendapat persetujuan kedua-dua pihak. Maka sebarang permasalahan, jurang perbezaan pendapat yang wujud di antara kedua-dua pihak dapat diselesaikan dengan mudah. Komunikasi merupakan aspek utama yang perlu diberi penekanan sebelum bermulanya sesuatu program bersama komuniti. Menerusi komunikasi yang berkesan, persetujuan dan permuafakatan antara pihak universiti dengan komuniti dapat dijalankan dengan jayanya ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan seperti yang diharapkan.



Artikel ini ditulis oleh Dr. Mohd Nazri Hj. Abdul Rahman, Pensyarah dari Fakulti Pendidikan, UM. Beliau aktif dalam menjalankan projek jalinan masyarakat dan telah memenangi Tempat Pertama bagi Anugerah Jalinan Masyarakat 2017 untuk projek beliau bertajuk "Pelaksanaan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat bagi Kanak-kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalalan Diri di Sabah". Projek ini juga telah mendapat sumbangan dari HeeLee Enterprise (M) Sdn Bhd.

LENSA

Bengkel Pelan Strategik UMCares 2018 17 dan 18 Januari 2018

1



UM Community Fair 21 Februari 2018

2





UM Community Fair
29 Mac 2018

3



UM Community Fair
3 Mei 2018

4



LENSA

Meet & Greet with School Representatives
2 Mei 2018


5





UM Tropical Camp
Januari-Jun 2018

6





**UMCares - Pusat Komuniti & Kelestarian
Tingkat 6,
Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur**

Buletin UMCares edisi 1.0